

Kesanggupan dunia lawan Israel

MUKADIMAH

SERANGAN komando Israel terhadap Mavi Marmara yang mendahului enam kapal lain dari flotila kemanusiaan ke Gaza menunjukkan satu lagi kekejaman Israel. Dalam kejadian Isnin lepas itu, jelas membuktikan tindakan rejim Zionis itu umpama melawan seluruh dunia memandangkan kapal tersebut membawa sukarelawan dari pelbagai negara dan agama.

Usaha bantuan yang dilakukan atas nama keamanan itu hanyalah sekelumit usaha oleh mereka yang prihatin dengan penderitaan penduduk yang ditekan dan diganyang Israel sejak sekian lama. Flotila yang membawa pelbagai barangan bantuan untuk penduduk Gaza turut disertai oleh sukarelawan Malaysia antaranya dari Perdana Global Peace Organization (PGPO) dan Lifeline For Gaza (LL4G).

Untuk mendapatkan pandangan lebih jelas wartawan *Mingguan Malaysia* **AZMAN ANUAR, MOHD. KHUZAIRI ISMAIL** dan **HAFIZAHRI HAMID** telah mewawancarai bekas Perdana Menteri yang juga Penasihat PGPO, **TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD** pada petang Jumaat lalu sehari sebelum kapal Rachel Corrie ditawan.

Dr. Mahathir yang sering kali bersuara lantang terhadap kekejaman yang dilakukan Israel terhadap rakyat Palestin menjelaskan beliau berbangga dengan penyertaan sukarelawan Malaysia. Kita juga bersimpati dan memberi penghargaan terhadap kejayaan kumpulan ini yang sanggup berkorban nyawa.

Beliau turut menggesa semua pihak perlu lebih berani untuk melibatkan diri supaya banyak usaha dapat dilakukan dan tidak mustahil jumlah kapal dan sukarelawan akan lebih bertambah pada masa akan datang.

MINGGUAN: Apa pandangan Tun mengenai kejadian yang berlaku terhadap kumpulan misi kemanusiaan Gaza baru-baru ini?

DR. MAHATHIR: Saya kurang jelas mengenai kumpulan ini kerana mereka adalah kumpulan yang berbeza dengan Perdana Global Peace Organization (PGPO). Namun saya berpendapat mereka sangat bersemangat dan saya sedar ada badan bukan kerajaan (NGO) lain yang aktif dalam perkara seperti ini. Saya berbangga dengan penyertaan mereka. Kita mungkin lebih tertumpu kepada nasib sukarelawan kita. Tetapi kita harus ingat ada sukarelawan lain bersama mereka yang menjadi mangsa. Maka kita perlu bersimpati dan memberi penghargaan terhadap kesanggupan kumpulan ini yang sanggup berkorban nyawa.

Bagaimana dengan misi kapal Rachel Corrie yang kini dalam perjalanan ke Gaza?

DR. MAHATHIR: Kapal ini diuruskan oleh PGPO. Kita sebenarnya membeli tiga buah kapal bantuan. Tetapi kapal Rachel Corrie rosak dan pihak kerajaan Ireland percaya ia ada kaitan dengan usaha sabotaj Yahudi. Kerana itu kapal ini lambat dan tidak dapat menyertai flotila lain yang bertolak lebih awal. Tetapi dua buah kapal yang lain menyertai misi yang pertama. Kapal Rachel Corrie bertekad untuk meneruskan pelayaran ke Gaza. Tetapi mereka berdepan dengan masalah ketika ini yang mana krew-krew yang bukan dari sukarelawan yang mempunyai perlindungan insurans. Tetapi syarikat insurans menarik balik perlindungan itu ekoran kejadian serangan tentera Israel ke atas kapal Mavi Marmara, baru-baru ini. Tanpa perlindungan insurans itu, krew-krew kapal ini mungkin tidak dapat meneruskan perjalanannya. Sedangkan kita tidak mampu untuk mengemudi kapal Rachel Corrie sendiri. Jadi misi mereka berkemungkinan akan gagal. Ini yang saya khuatir. Tetapi setakat ini, saya masih belum mendapat maklumat yang penuh mengenainya.

Bagaimana dengan dakwaan Israel kononnya mereka bertindak kerana bimbang kapal-kapal itu membawa bekalan senjata?

DR. MAHATHIR: Israel mungkin bimbang tetapi kita harus sedar sikap mereka. Meskipun barang-barang yang dibawa itu bukan senjata sekalipun, mereka tetap menganggap kononnya ia senjata atau dialihkan supaya kelihatan seperti membawa senjata. Ini kerana tujuan sebenar mereka ialah untuk menyeksa penduduk Gaza supaya mereka berlajar dan tidak mempunyai bekalan ubat-ubatan. Jika benar mereka bimbang kapal-kapal ini membawa senjata, kita ada pihak berkuasa antarabangsa yang boleh membuat pemeriksaan sebelum kapal ini berlepas. Mereka tidak seharusnya menggunakan kekerasan dan membunuh kononnya untuk menyelamatkan Israel daripada senjata yang mungkin diseludup ke Gaza.

Dari sudut psikologi, tidakkah tindakan

Israel ini menakutkan misi-misi serupa pada masa depan?

DR. MAHATHIR: Mungkin ada tapi saya berpendapat bahawa apa pun yang dilakukan Israel akan ada pihak dan NGO yang sanggup untuk berdepan dengan tekanan itu. Kerana mereka sesekali tidak akan membawa senjata. Tujuan mereka hanya untuk membawa bekalan bantuan bagi membantu penduduk Gaza.

Tidaklah keberanian sukarelawan Malaysia ini sesuatu yang baru kerana selama ini kita hanya mengutuk tanpa mampu bertindak?

DR. MAHATHIR: Ini sebenarnya bukan kali pertama kita mengambil tindakan seperti ini. Kita sebelum ini juga pernah menyertai misi kemanusiaan Viva Palestina yang digerakkan oleh George Galloway. Dari awal lagi sudah ada

rakyat Malaysia yang menyertai misi seperti ini dan mereka pergi bukan dalam keadaan yang senang dan mudah. Banyak rintangan dan halangan yang perlu ditempuhi tetapi mereka tetap sanggup untuk meneruskannya. Kesungguhan sangat jelas dalam usaha itu dan saya pastinya malu jika kita hanya bercakap untuk membantu rakyat Palestin tetapi tidak ada tindakan yang diambil. Saya harap mereka tidak akan hilang semangat sebaliknya semangat mereka patut menjadi lebih kuat.

Adakah Israel berasa tertekan dengan insiden ini?

DR. MAHATHIR: Sedikit sebanyak mereka berasa tertekan kerana kita lihat inilah kali pertama Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) membuat keputusan yang tidak dihalang oleh AS.

Tidaklah ini membuka lebih banyak tindakan drastik oleh PBB ke atas Israel?

DR. MAHATHIR: Dari sudut kemanusiaan sudah semestinya PBB perlu untuk bertindak dengan lebih drastik. Tetapi kita tidak boleh mengharap PBB kerana mereka mempunyai susunan yang tidak demokratik apabila memberi kuasa veto kepada hanya lima buah negara. Ini bermakna mereka hanya mengutamakan pihak-pihak yang mempunyai kuasa ini dan bukan secara demokratik iaitu perasaan masyarakat majoriti.

Bolehkah Israel diheret ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) ekoran peristiwa ini?

DR. MAHATHIR: Kalau ada kesanggupan ia boleh dilakukan. Tetapi saya tidak percaya AS akan membenarkannya. AS sanggup untuk menyerang negara lain kerana

kononnya mempunyai senjata pemusnah besar-besaran walaupun jelas ia adalah pembohongan untuk menghalalkan serangan. Tetapi dengan Israel walaupun terbukti negara itu adalah negara penganas, AS sering mempertahankan negara itu. Selalu ada *double standard*.

Tetapi kita lihat sentimen di kalangan rakyat AS sendiri yang marah terhadap tindakan Israel sangat meluas. Tidaklah kerajaan AS memberi perhatian kepada suara-suara ini?

DR. MAHATHIR: Di AS bukan sentimen rakyat yang menguasai kerajaan. Kumpulan rakyat AS yang terdiri daripada Yahudi begitu berpengaruh sehingga boleh mengalahkan mana-mana calon yang tidak menyokong Israel. Saya diberitahu bahawa

Soal patut dilakukan atau sanggup melakukan itu adalah berbeza. Yang patut dilakukan itu banyak tapi sama ada sanggup atau tidak itu tidak banyak. Ini kerana kita dapati Israel disokong oleh kuasa dunia terbesar dan tiada kuasa dunia lain yang sanggup untuk mengecam kuasa besar ini.

setiap calon di sana mestilah membuat pengakuan kepada AIPAC bahawa mereka akan terus menyokong Israel. Jika tidak mereka akan kalah kerana Israel mempunyai pengaruh. Walaupun kumpulan mereka tidak ramai tapi mereka bertindak secara bersama. Tidak seperti orang Islam di AS yang berpecah kepada lebih 1,000 persatuan.

Apa pandangan Tun berhubung penglibatan Turki dalam misi kemanusiaan ini sedangkan negara itu sebelum ini sering dilihat pro Israel?

DR. MAHATHIR: Pemerintah Turki mempunyai dasar tertentu dan mereka adalah negara sekular.

Tetapi rakyat Turki masih berpegang kuat dengan ajaran Islam. Mereka berpendapat bahawa tekanan ke atas orang Islam oleh Israel adalah sesuatu yang sangat buruk dan mereka berasa amat simpati. Bantahan mereka seperti menerusi demonstrasi misalnya akan mendorong pemimpin mereka untuk bersimpati. Maka pemimpin ini tiada pilihan kerana mereka dipilih oleh rakyat untuk menjadi pemerintah. Kuasa undi di kalangan rakyat itu ada.

Apa sepatutnya yang kita lakukan untuk menghalang kekejaman Israel?

DR. MAHATHIR: Soal patut dilakukan atau sanggup melakukan itu adalah berbeza. Yang patut dilakukan itu banyak tapi sama ada sanggup atau tidak itu tidak banyak. Ini kerana kita dapati Israel disokong oleh kuasa dunia terbesar dan tiada kuasa dunia lain yang sanggup untuk mengecam kuasa besar ini. Jadi kita kena ambil tindakan yang mampu bagi kita. Untuk berperang kita tidak mampu sebab di belakang Israel itu terlalu ramai. Dulu ketika Israel mula-mula ditubuhkan sebagai negara, negara Islam seperti Mesir, Syria dan Lebanon misalnya cuba menyerang secara konvensional tapi mereka dikalahkan kerana Israel mendapat

bantuan besar daripada AS dan Eropah. Kalau cuba menyerang Israel atas dasar tentera mereka lebih besar atau rakyat lebih ramai sekalipun, percayalah kuasa besar akan menyerang mereka semula

Jadi di mana langkah penyelesaiannya?

DR. MAHATHIR: Ia bergantung kepada tindakan beramai-ramai. Jika kita ada perpaduan dan kita mengambil tindakan secara serentak, mungkin ia berkesan. Misalnya kita akan hentikan bekalan minyak kepada AS jika negara itu terus menyokong Israel. Kita pernah mengambil tindakan sebegini suatu ketika dulu dan ia berkesan. Tetapi apabila AS mengancam akan menyerang negara yang tidak membekalkan minyak, tindakan itu ditarik balik. Ini kerana masing-masing (negara) mahu hidup senang lenang. Mereka sudah menjadi kaya-roya dan tidak berminat untuk berkorban.

Adakah tindakan beramai-ramai itu boleh dilakukan sekiranya lebih banyak kapal dan sukarelawan dihantar ke Gaza?

DR. MAHATHIR: Kita boleh hantar dan Israel boleh musnahkan sebab mereka anggap ini adalah satu serangan dan bukannya untuk menolong Gaza. Mereka akan berhujah bahawa ini adalah serangan musuh dan mereka perlu mempertahankan diri sebab mereka tidak tahu yang datang membawa senjata atau tidak. Jika yang datang (kapal bantuan) sebanyak ini pun mereka sanggup menyerang dan membunuh, bagaimana jika lebih ramai yang datang? Sekali lagi mereka yakin di belakang mereka ada negara yang akan tetap menyokong.

Apa pandangan Tun terhadap idea sudah tiba masanya sebuah tentera negara Islam dibentuk?

DR. MAHATHIR: Itu hanya angan-angan. Tentera Islam yang ada sekarang pun masing-masing berperang sesama sendiri. Kita tahu orang Islam ketika ini sedang membunuh orang Islam yang lain. Lebih ramai orang Islam membunuh orang Islam sendiri berbanding dibunuh oleh musuh bukan Islam. Kita lihat laporan di Pakistan misalnya kerana berbeza sedikit fahaman agama mereka berbunuhan sesama sendiri. Setiap hari kedengaran orang Sunni membunuh orang Syiah dan begitulah sebaliknya. Mereka lebih menumpukan senjata dan tenaga untuk melawan sesama sendiri berbanding menentang musuh yang menyerang negara Islam.

Apa yang menarik mengenai misi bantuan ini ialah ia melibatkan penduduk daripada pelbagai latar belakang agama dan bangsa. Apakah ini menunjukkan bahawa kesedaran mempertahankan Palestin itu bukan lagi perjuangan agama?

DR. MAHATHIR: Memang ramai masyarakat bukan Islam yang menganggap Israel ini terlalu ganas dan tidak menghormati undang-undang. Ramai yang tidak suka dan tidak bersetuju dengan cara Israel ini. Tetapi perasaan mereka itu hanyalah atas dasar sebagai individu atau

rakyat dan bukannya sebagai kerajaan. Sedangkan di pihak kerajaan pula mereka takut jika tindakan mereka itu akan dibalas dengan serangan oleh sekutu Israel.

Maknanya Israel akan terus kebal?

DR. MAHATHIR: Dia akan kebal kerana kita tidak kebal. Maka apa yang berlaku ke atas rakyat Palestin ini akan berpanjangan. Apa yang dikatakan sebagai *terror attack* ini juga akan berterusan dan lebih buruk ia merupakan *state terrorism* secara tersusun oleh kerajaan kepada kerajaan. *Attack terrorism* ini lebih ganas berbanding orang yang bertindak secara perseorangan. Tetapi apabila bercakap mengenai keganasan kita hanya nampak kumpulan yang kecil ini sahaja, tetapi tidak melihat kepada *state terrorism*. Kita terikut-ikut dengan tafsiran Barat bahawa pengganas adalah orang yang berjuang secara tidak tersusun dan yang tidak mempunyai kerajaan di belakangnya.

Tetapi *state terrorism* sebenarnya jauh lebih ganas kerana ia membunuh lebih ramai orang daripada yang bertindak secara kelompok kecil ini. Kita juga harus menerima hakikat bahawa kita lemah dan tidak mungkin mengatasi mereka dan kita terima apa yang patut kita terima. Kita lihat baik Palestin atau negara Islam lain tidak mempunyai satu strategi. Mereka hanya bertindak kerana marah iaitu kami dibunuh maka kami akan membunuh. Maka perkara ini akan berterusan. Pendirian mereka juga tidak berubah. Yang utama ialah mereka takut kepada kuasa besar. Sama ada mereka negara Islam atau tidak, mereka takut kepada kuasa besar.

Harapan Tun kepada sukarelawan Rachel Corrie yang kini dalam perjalanan?

DR. MAHATHIR: Saya berasa bimbang tetapi mereka menyertai misi ini secara sukarela. Kita tidak pernah memaksa mereka pergi walaupun mereka kadang-kadang ada yang tidak memberitahu keluarga pun untuk pergi. Ini dibuat secara sukarela dan mereka berasa terpanggil untuk pergi. Perjuangan kita sebenarnya untuk mengharamkan peperangan dan kita akan teruskan. Kita tidak boleh menerima cara penyelesaian dengan membunuh. Kalau ada pertikaian kita bunuh dia. Kalau dia lebih cekap kita yang dibunuh. Kalau beginilah caranya masyarakat kita akan jadi huru-hara.

Ini adalah pendirian yang tidak bertamadun dan primitif. Bangsa yang tidak bertamadun boleh berbuat begitu. Sedangkan kita mendakwa mempunyai peradaban yang bertamadun serta berperikemanusiaan. Kita langkan hak asasi manusia dan pelbagai hak lagi kononnya kita manusia yang bertamadun. Tetapi dalam

masa yang sama kita masih saling berbunuh-bunuhan dan menghalalkan pembunuhan beramai-ramai. Bukan seorang atau dua, malah beribu-ribu nyawa atau kadang-kadang sehingga berjuta. Jika begini caranya saya ingat kita masih belum bertamadun.

